

26/05/1999

Adnan mahu buat perubahan

Shariffudin Mohamed; Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Selasa - Menteri Besar Pahang yang baru, Datuk Adnan Yaakob, mahu membuat beberapa perubahan terhadap fungsi agensi kerajaan negeri dengan segera bagi menyesuaikan dengan kehendak Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam tugas pertamanya.

Agensi itu termasuk Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian (LKPP), Yayasan Pahang dan Amanah Saham Pahang.

Menurutnya, jika agensi terbabit dikhususkan dalam bidang pembangunan hartanah atau pertanian, ia mesti berbuat demikian dan tidak boleh terbabit dalam sektor lain.

"Kita akan buat serta-merta penyesuaian itu berdasarkan arahan MTEN. Kita sebenarnya tidak minta agensi itu membabitkan diri dalam bidang lain.

"Apa yang penting ialah matlamat asal penubuhan agensi itu mesti dipatuhi," katanya dalam sidang akhbar pertamanya sebagai Menteri Besar yang baru di Wisma Sri Pahang, di sini, hari ini.

Sebelum itu, Adnan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Pahang ke-14 di hadapan Sultan Pahang di Istana Abu Bakar, Pekan, dengan dihadiri Tengku Mahkota Pahang, Tengku Muda Pahang, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zainal Abidin Mat Said, Ahli Exco Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta ketua jabatan.

Adnan juga bercadang mewujudkan jawatankuasa baru sebagai tambahan kepada jawatankuasa sedia ada, bagi mengukuhkan barisan Exco Kerajaan Negeri pimpinannya.

Beliau bercadang menamakannya Jawatankuasa Tugas-Tugas Khas, antara lain bertanggungjawab terhadap Jabatan Penerangan, Kemas, Jabatan Perpaduan Negara dan pihak keselamatan yang diwakili polis dan tentera.

Bagaimanapun, Adnan berkata, keputusan akhir berhubung cadangan pembentukan jawatankuasa baru dan barisan Exconya, hanya akan diketahui dalam tempoh seminggu lagi kerana beliau perlu menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Pahang untuk mendapatkan restu.

Menjawab soalan, Adnan berkata, pada keseluruhannya perjalanan semua agensi kerajaan negeri memuaskan tetapi boleh ditingkatkan. Bagaimanapun, jika perlu membuat penyesuaian, beliau akan melaksanakannya.

"Saya tidak menunding jari kepada mana-mana agensi tetapi secara kajian menyeluruh akan diadakan segera untuk tindakan yang selaras keputusan MTEN untuk memulihkan ekonomi negara," katanya.

Ditanya sama ada perubahan itu membabitkan pertukaran pengarah atau ketua pegawai eksekutif, Adnan berkata: "Itu kita tengok nanti."

Sambil menghargai jasa bekas Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob terhadap kemakmuran Pahang, Adnan berkata, kerajaan pimpinannya akan meneruskan dasar sedia ada bagi meningkatkan lagi tahap kemajuan negeri ini.

Ini kerana ia berjalan dengan asas yang kukuh walaupun sedikit penyesuaian akan dibuat.

Adnan turut menggariskan beberapa faktor yang perlu diberikan perhatian iaitu memantau projek yang terbelang, membantu Kerajaan Pusat mengatasi kegawatan ekonomi, meningkatkan perpaduan rakyat dan mengamalkan dasar mesra-pelabur.

"Kita mahu menjana projek bagi mewujudkan pelbagai kegiatan, sekali gus menyediakan banyak peluang pekerjaan serta membantu memulihkan ekonomi negara," katanya.

"Saya juga akan memanggil satu perjumpaan dengan ketua jabatan dalam minggu ini untuk memberi penerangan mengenai agenda kerajaan yang perlu diutamakan," katanya.

(END)